

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

SOALAN NO. 144

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah tol Jambatan Pertama Pulau Pinang dan Tol Sungai Nyior akan dimansuhkan? Selepas dimansuhkan, siapakah yang bakal membiayai atau menanggung kos-kos penyelenggaraan infrastruktur-infrastruktur berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skandal kewangan oleh kerajaan lama mempunyai impak besar yang menjejaskan kedudukan kewangan negara. Keputusan berhubung pemansuhan tol di Jambatan Pulau Pinang dan Tol Sungai Nyior perlu mengambil kira implikasi dari segenap aspek terutamanya kemampuan kewangan Kerajaan untuk membayar sebarang pampasan kepada syarikat konsesi. Pemansuhan kedua-dua tol ini adalah di antara yang akan diberikan keutamaan sekiranya rancangan pemansuhan tol atau penstrukturan semula dijalankan.

Sebagai makluman, Kerajaan pada masa kini sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh mengenai hala tuju lebuhraya bertol termasuklah isu pemansuhan tol dan pihak yang akan menanggung kos-kos penyelenggaraan infrastruktur tersebut dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2019.